



Jelajah Hari Buah Pinggang Sedunia 2015

Tarikh: 28 Februari hingga 1 Mac 2015

Masa: 10 pagi hingga 10 malam

Tempat: Aras LG2, Seksyen Barat, Sunway Pyramid, Bandar Sunway, No. 3, Jalan PJS 11/15, 46150 Petaling Jaya, Selangor.

No. telefon: 03-7954 9048
sambungan 207/218/256

Laman web: www.nkf.org.my

E-mel: info@nkf.org.my

Kempen lindungi buah pinggang

PENJAGAAN kesihatan merupakan aspek penting dalam menjamin kesejahteraan hidup seseorang individu dan seisi keluarga.

Ia juga bagi memastikan keadaan organ tubuh seperti jantung, paru-paru dan buah pinggang sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Sempena ulang tahun ke-10, Hari Buah Pinggang Sedunia, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) akan mengadakan siri jelajah kesihatan selama sebulan di beberapa lokasi berlainan.

Antara aktiviti yang dirancang termasuk pemeriksaan kesihatan percuma, pameran kesihatan dan permainan menarik bagi mengumpul dana untuk pesakit buah pinggang.

SAMBUTAN Hari Buah Pinggang Sedunia akan diadakan di beberapa lokasi berbeza seluruh negara. – Gambar hiasan

